

# SEJARAH PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
1.0 PENDAHULUAN	2
1.1 Pengenalan	2
1.2 Objektif	3
1.3 Definisi Konsep	4
1.4 Penggunaan Bahasa Melayu selepas merdeka.	6
1.4.1 Penggunaan bahasa Melayu di sektor swasta: Satu tinjauan selepas 57 tahun merdeka.	6
1.4.2 Penggunaan Bahasa Melayu Di Sektor Awam.	8
1.4.3 Penggunaan Bahasa Melayu di tempat awam. (Tempat awam, kawasan perumahan, bangunan dan syarat lalulintas)	10
2.0 LAPORAN KAJIAN LEPAS MENGENAI PENDIDIKAN DAN MATLAMAT PENDIDIKAN BERDASARKAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU.	11
2.1 Matlamat pendidikan dan kepentingan Penggunaan Bahasa Melayu.	11
2.2 Laporan Kajian lepas mengenai kepentingan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pendidikan.	13
3.0 PENDAPAT TENTANG PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DALAM PENCAPAIAN MATLAMAT PENDIDIKAN DI MALAYSIA.	19
3.1 Peranan dan fungsi Bahasa Melayu dari perspektif pendidikan.	19
3.2 Bahasa Melayu dalam pendidikan teknologi dan maklumat.	20
3.3 Bahasa Melayu dalam era globalisasi.	22
3.4 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	24
4.0 PENUTUP	26
4.1 Kesimpulan	26
BIBLIOGRAFI	2

## **1.0 PENDAHULUAN**

### **1.2 Pengenalan**

Setelah 57 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, pelbagai perubahan telah berlaku secara evolusi dari segi pembangunan, teknologi, kehidupan dan tidak lupa dari segi bahasa. Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi rakyat Malaysia. Buktinya, dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Selain itu, dalam Laporan Razak 1956 juga telah mencadangkan bahasa Melayu sebagai pengantar dalam sistem pendidikan Negara.

Justeru, berdasarkan sejarah budaya, bahasa dan kesusteraan Melayu, banyak bukti mengatakan bahawa bangsa Melayu merupakan salah satu bangsa yang memiliki tamadun yang besar. Seperti yang dipetik dari Dewan Masyarakat, Dr. Hassan Ahmad menyatakan:

“Bangsa Melayu mampu menciptakan tamadun besar dahulu kerana mereka berfikir dalam bahasa Melayu, iaitu bahasa Melayu ragam tinggi, bukan bahasa pasar”.

Oleh itu, memang tidak dinafikan bahasa Melayu memang telah lama digunakan di Malaysia sejak zaman dahulu lagi. Namun begitu, setelah 57 tahun kemerdekaan dikecapi oleh masyarakat Malaysia angin perubahan luar mula menjajah segenap lapisan masyarakat yang lazimnya menggunakan bahasa Melayu sebagai komunikasi.

Pada umumnya Bahasa Melayu telah mula digunakan dalam sistem pentadbiran kerajaan Sri Wijaya di abad ke-7 lagi. Namun perkembangan Bahasa Melayu dipergiatkan lagi pada era kegemilangan Melaka pada abad ke-13 sesuai dengan statusnya sebagai pusat perdagangan di rantau ini pada ketika itu. Menurut Kamarudin Haji Husin, Siti Hajar Haji Abdul Aziz dan Arba'ie Sujud (1997), sejarah perkembangan Melayu di Nusantara adalah melalui tiga tahap iaitu Bahasa Melayu sebelum dan Zaman Keagungan Melaka, Bahasa Melayu Zaman Pra-Merdeka dan Bahasa Melayu selepas Merdeka. Namun untuk tujuan kertas kerja ini, perbincangan hanya difokuskan kepada sejarah perkembangan Melayu selepas merdeka sekitar 50'an sehinggalah ke hari ini kearah pemupukan, kemantapan, kesempurnaan Bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin kehidupan melalui sistem pendidikan negara dan tokoh-tokoh bahasa Melayu di Malaysia.

## **1.2 Objektif**

Dapat mengetahui sejarah perkembangan, peranan dan sumbangan bahasa Melayu ke arah pembentukan bahasa rasmi negara sebagai suatu identiti unggul yang dimiliki oleh masyarakat majmuknya dan negara Malaysia yang berdaulat. Adalah agak sukar untuk memperjelaskan secara terperinci keseluruhan sejarah dalam perkembangan Bahasa Melayu selepas merdeka kerana keterbatasan dalam mendapatkan sumber, walaupun begitu penulisan ini akan cuba mengupas kembali segala perancangan yang digariskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka amnya dalam usaha mengangkat martabat Bahasa Melayu . Bagi aspek perkembangan, adalah menjadi suatu yang sinonim dalam penulisan untuk membicarakan kronologi perkembangan mengikut zaman peralihan status bahasa, tetapi penulisan ini akan membicarakan perkembangan Bahasa Melayu selepas merdeka untuk mengupas isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan Bahasa Melayu bagi menilai sejauh mana usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk menjadikan Bahasa Melayu setanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia yang mampu menjadi penggerak kepada pembangunan negara dalam semua bidang.

## **1.3 Definisi Konsep**

Konsep yang harus difahami dalam kajian penulisan ini adalah berkisar kepada kehendak tajuk kajian, iaitu huraian konsep bahasa Melayu selepas merdeka. Perkembangan bahasa Melayu menurut Yahya Othman, Roselan Baki dan Naffi Mat ( 2009: 39 ), dapat diklasifikasikan mengikut tahap dari Bahasa Melayu Purba ( 2500 masihi ), Bahasa Melayu kuno ( abad ke-7 masihi ), Bahasa Melayu Klasik ( abad ke-12 masihi ), Bahasa Melayu Peralihan dan Bahasa Melayu Baharu ( abad ke-19 ). Manakala menurut Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain ( 2006: 26 ), perkembangan Bahasa Melayu dapat dirungkai berdasarkan perkembangan zaman, iaitu purba, kuno dan klasik tetapi adalah lebih mudah difahami sekiranya berfokuskan tahun perkembangannya bagi meneliti isu-isu yang dibangkitkan sepanjang perkembangan bahasa tersebut, iaitu tahun 1950 hingga 1960, 1970 hingga 1980 dan 1990 hingga 2000 bersesuaian dengan perkembangan ilmu semasa selepas Jawatankuasa Pelajaran Razak ( 1956 ) menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan negara ini yang turut disokong oleh Awang Sariyan ( 2002 ).

Bahasa Melayu berubah sedikit demi sedikit untuk menuju ke bentuk baharu iaitu bahasa Melayu Moden apabila menjelang abad ke-20. Prosesnya berjalan mengikut urutan waktu tetapi lancar. Ianya bermula dengan pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa urusan pemerintahan di negeri-negeri Melayu. Keadaan menjadi semakin kukuh apabila munculnya teknologi percetakan yang dibawa oleh penjajah ke Tanah Melayu. Penerbitan akhbar, majalah dan buku-buku telah menyemarakkan lagi perkembangan bahasa Melayu. Pada pertengahan abad ke-20 bahasa Melayu sudah menjadi bahasa terpenting di Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara.

Bahasa Melayu Moden terus berkembang dan menjadi utuh apabila penerbitan majalah, akhbar, buku, jurnal menjadikan bahasa Melayu sebagai wadah untuk menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan. Tujuannya bukan sekadar meningkatkan kecerdasan berfikir dan perluasan ilmu tetapi juga untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Antara akhbar dan majalah yang memainkan peranan berkenaan ialah al-Imam (1906), Panji Poestaka dan Poesdjangga Baroe (1933), Warta Malaya, Lembaga Melayu dan lain-lain lagi diterbitkan di sekitar separuh awal abad kedua puluh.

Bagi mengukuhkan lagi kedudukan bahasa Melayu serta memastikan perkembangannya tidak terbantut maka berbagai usaha telah dijalankan. Antaranya penubuhan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor ( Pa. Ba. Mim. Pa. Ba.) yang kemudiannya diikuti dengan tertubuhnya Pejabat Karang Mengarang SITC, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institusi-institusi Pengajian Tinggi, Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, serta tertubuhnya Kementerian Pelajaran. ( Abdul Samad Ahmad : 1966). Melihat kepada perkembangan istilah dan perbendaharaan kata, pada zaman bahasa Melayu Moden ini, munculnya istilah-istilah baru sama ada pinjaman dari bahasa asing mahupun pinjaman dari bahasa serumpun. Istilah-istilah asing yang tiada dalam bahasa Melayu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Ini menjadikan bahasa Melayu kaya dengan istilah-istilahnya walaupun ada di antaranya dipinjam dari istilah Inggeris, Belanda, Portugis, Arab, Sanskrit, Jawa, Indonesia, Brunei dan sebagainya.

## **1.4 Penggunaan Bahasa Melayu selepas merdeka.**

Penggunaan bahasa Melayu yang semakin meningkat mendorong lahirnya kerjasama kebahasaan antara Tanah Melayu dan Indonesia pada tahun 1959. Kerjasama ini dikukuhkan lagi apabila pada tahun 1972 majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) ditubuhkan. Pada tahun 1985 kedudukannya semakin meningkat apabila MBIM menjadi MABBIM atau Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia ditubuhkan. Peningkatan mutu bahasa Melayu semakin jelas terserlah apabila bahasa ini digunakan dalam pelbagai laras dan wacana dalam pengajaran pelbagai ilmu dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

### **1.4.1 Penggunaan bahasa Melayu di sektor swasta: Satu tinjauan selepas 57 tahun merdeka**

Perlembagaan Persekutuan Perkara 152 merupakan punca kuasa utama usaha memperkasakan bahasa Melayu di Malaysia. Peranan atau fungsi utama Bahasa Melayu adalah sebagai alat perpaduan dan pembangunan negara. Selain itu, bahasa juga sebenarnya merupakan satu komoditi yang amat berharga dan mempunyai nilai ekonomi yang perlu diperagakan sebaik-baiknya. Bahasa Inggeris umpamanya, merupakan komoditi yang mempunyai nilai ekonomi bukan sahaja di negara asal, England, tetapi juga di negara lain yang berbahasa Inggeris seperti Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand. Dalam konteks negara ini, kitalah pemberi nilai ekonomi kepada Bahasa Melayu atau bahasa Inggeris khasnya dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Keadaan seolah-olah memaparkan bahasa Melayu tinggi nilai ekonominya dalam sektor awam, tetapi diberi nilai ekonomi yang rendah dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

Tinjauan dilakukan untuk mengesan penggunaan bahasa Melayu dalam dokumen, maklumat atau iklan oleh syarikat dan industri tempatan dalam negara ini sebagai saluran perhubungan dan komunikasi antara syarikat dengan pelanggan domestik. Bahan yang diteliti iaitu bahan bercetak seperti iklan, brosur, risalah, buku kecil atau panduan yang diterbitkan oleh organisasi atau syarikat tempatan sahaja. Sebahagian besar brosur atau risalah diperoleh semasa pameran diadakan oleh beberapa buah syarikat yang mengambil bahagian seperti dalam pameran "Home Decor 2007" di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Semua dokumen tersebut diasingkan mengikut bahasa yang digunakan, iaitu Bahasa Melayu sahaja (BM), Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (BIBM), Bahasa Inggeris sahaja (BI), Bahasa Inggeris dan Mandarin (BIMD), Bahasa Mandarin sahaja (MD), Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Mandarin (BIBMMD), Bahasa Melayu dan Mandarin (BMMD). Daripada semua 462 buah dokumen yang diperolehi, didapati penggunaan BI amat tinggi, iaitu sebanyak 64% (296 dokumen), BIBM 13.2% (61 dokumen), BIMD 8.7% (41 dokumen), BM 5.8% (27 dokumen), BIBMMD 4.6% (21 dokumen), dwibahasa BMMD 2.4% (11 dokumen) dan MD 1.3% (6 dokumen).

Dapatan tinjauan tersebut jelas menunjukkan bahawa bahasa Inggeris masih menjadi bahasa yang dominan atau utama bagi sektor swasta dalam bidang perniagaan dan industri walaupun negara telah 57 tahun merdeka. Angka 64% tersebut amat besar signifikannya bagi melonjakkan nilai ekonomi bahasa Inggeris sebagai "bahasa utama" dalam sektor perniagaan dan perindustrian di Malaysia dan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih dipinggirkan setelah 57 tahun merdeka. Walaupun jumlah kedua terbesar ialah bahan dwibahasa Melayu dan Inggeris iaitu 13.2%, tetapi perbezaan jurangnya terlalu besar. Malahan walaupun bersifat dwibahasa, banyak yang mendahulukan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu yang menggambarkan bahasa Melayu seolah-olah menjadi bahasa kedua atau kurang penting dan rendah nilai ekonominya sedangkan penguasaan bahasa Melayu oleh rakyat atau pelanggan domestic negara ini lebih meluas berbanding bahasa Inggeris. Penguasaan dwibahasa rakyat negara ini atau penguasaan bahasa Inggeris yang baik bagi kebanyakan pelanggan domestik misalnya pelanggan di hotel tidak wajar dijadikan "lesen" untuk mengutamakan bahasa Inggeris yang sekali gus meminggirkan bahasa Melayu. Jumlah ketiga terbesar iaitu 8.7% menggunakan dwibahasa, Inggeris dan Mandarin yang sekali lagi jelas meminggirkan bahasa Melayu. Ini seolah-olah menafikan hak atau peluang pelanggan domestik berbahasa Melayu (yang difahami oleh tiga bangsa terbesar di Malaysia) untuk mendapat maklumat melalui bahasa Melayu.

Sesuatu yang agak mengecewakan apabila terdapat bahan menggunakan tiga bahasa, iaitu Inggeris, Melayu dan Mandarin yang kebanyakannya juga mendahulukan bahasa Inggeris dan selepasnya bahasa Mandarin dan akhir sekali bahasa Melayu. Penggunaan tiga bahasa mungkin baik bagi sebaran yang lebih meluas tetapi wajarlah diberi penghormatan kepada Bahasa kebangsaan terlebih dahulu.

### **1.4.2 Penggunaan Bahasa Melayu Di Sektor Awam.**

Perlembagaan Bahasa Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan , 1963/67 memaktubkan bahawa Bahasa Melayu hendaklah digunakan bagi maksud rasmi dalam semua urusan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan perbadanan awam. Walau bagaimanapun, Perlembagaan dan Akta Bahasa Kebangsaan itu memeperuntukkan kekecualian tertentu yang membolehkan Penggunaan Bahasa Inggeris dilanjutkan bagi maksud rasmi tertentu selepas 1 September 1967.

Berdasarkan kehendak perlembagaan dan Akta Bahasa kebangsaan 1963/67, telah didapati bahawa ada 11 jenis urusan rasmi sahaja di kementerian atau jabatan kerajaan yang masih boleh melanjutkan Penggunaan Bahasa Inggeris selepas 1 September 1967. Semua kementerian dan jabatan lain di sector awam Adalah diwajibkan supaya menggunakan Bahasa Malaysia dalam semua urusan rasmi mereka.

Berdasarkan satu kajian mengenai Penggunaan dan pelaksanaan Bahasa ini di sector awam pada tahun 1980, di dapati bahawa sebanyak 83.7% daripada jabatan kerajaan telah menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan mereka terutama dalam menyediakan laporan/penyata dalam kertas-kertas kajian. Ini menunjukkan peratusan yang tinggi bagi Penggunaan Bahasa Melayu di sector awam. Walau bagaimanapun peratusan pelaksanaan yang tinggi itu tidak mencerminkan tahap pencapaian yang tinggi dari segi penggunaannya di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Penggunaan Bahasa Malaysia oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan lebih merupakan menyambut seruan dan dasar kerajaan sahaja dan bukan merupakan manifestasi daripada semangat yang utuh untuk menggunakan Bahasa Malaysia.

Kajian juga menunjukkan bahawa masih kedapatan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak boleh menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik misalnya hanya 1.3% daripada mereka yang boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan baik, 10.7% boleh menulis dengan baik manakala Cuma 1.3% sahaja yang boleh menguasai kedua-dua kemahiran, bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa perkara.

1. Semenjak merdeka, kerajaan tidak mempunyai strategi pelaksanaan yang teratur untuk menghasilkan kakitangan awam yang menguasai Bahasa Malaysia dengan baik. Hanya pada tahun 1970 iaitu 13 tahun selepas merdeka kerajaan telah mensyaratkan tiap-tiap pemegang jawatan dalam perkhidmatan awam lulus Bahasa Malaysia pada peringkat-



peringkat tertentu. Pada tahun 1973, kerajaan melaksanakan peraturan penguasaan Bahasa Malaysia untuk kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai kerajaan.

2. Jabatan-jabatan kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam mengendalikan urusan-urusan jabatan dan tidak berminat menghubungi DBP apabila menghadapi Bahasa Malaysia.
3. Penggunaan Bahasa Inggeris sangat meluas sebelum merdeka, maka mengakibatkan kesukaran di kalangan pegawai kerajaan untuk menggunakan Bahasa Malaysia.
4. Kursus-kursus Bahasa Kebangsaan yang dikendalikan oleh DBP pada tahun-tahun 60-an bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pegawai-pegawai di sector awam tidak menyeluruh hanya memberi manfaat kepada sebilangannya sahaja.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan kakitangan sector awam khususnya adalah dengan mengadakan kemudahan memperajari Bahasa Malaysia, kursus Bahasa kebangsaan untuk pegawai dan kakitangan kerajaan dimulakan pada tahun 1960 dan dikendalikan oleh Bahagian Pelajaran Lanjutan, Kementerian Pelajaran. Kursus ini mulanya diadakan pada sebelah malam tetapi pada tahun 1964 diadakan pada waktu pejabat. Pada peringkat yang ketiga peserta diberi Sijil kelayakan dalam Bahasa Kebangsaan.

Dalam satu kajian oleh Raja Muktaruddin bin Raja Mohd. Dain (1982) pula, yang dilakukan pada akhir tahun 1975 terhadap Penggunaan Bahasa Melayu di sector awam menunjukkan sector awam menggunakan 99% Bahasa Kebangsaan dalam perintah, peringatan dan permintaan, 100% dalam urusan surat menyurat, 81% dalam mesyuarat dan penulisan minit mesyuarat dan 60% dalam penulisan laporan. Peratus Penggunaan Bahasa Melayu ini jelas belum mencapai tahap yang sewajarnya walaupun memperlihatkan kemajuan. Jika tinjauan kuantitatif dilakukan terhadap mutu penggunaan Bahasa Malaysia di sector awam, nescaya kita dapat melihat masalah yang lebih hakiki. Penggunaan Bahasa Melayu dalam dokumen-dokumen rasmi kerajaan kebanyakannya tidak memperuntukkan dengan tegas akan Penggunaan Bahasa Melayu bagi tujuan-tujuan tersebut.

### **1.4.3 Penggunaan Bahasa Melayu di tempat awam.**

#### **(Tempat awam, kawasan perumahan, bangunan dan syarat lalulintas)**

Sumber kuasa undang-undang mengenai penamaan tempat awam, kawasan perumahan dan bangunan yang terdapat dalam Akta kerajaan Tempat 1976 (Seksyen 68). Dalam penamaan kawasan perumahan, bangunan dan tempat awam, ketara Bahasa selama ini tidak ada kesedaran tentang pentingnya memberikan nama-nama dengan kawasan perumahan dan tempat awam yang menggunakan nama seperti Lucky Garden, Sea Park dan Yow Chuan Plaza.

Bagaimanapun, akhir-akhir ini, nampaknya telah ada tanda-tanda pengawalan dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan yang mewajibkan supaya kawasan perumahan, bangunan dan tempat awam diberi nama dalam Bahasa Malaysia atau yang mencerminkan dengan nama dalam Bahasa Malaysia seperti Tasik Perdana, Taman Melawati, Taman Tun Dr. Ismail dan sebagainya. Pawagam adalah termasuk dalam istilah 'bangunan'. Hampir semua pawagam yang terdapat di Negara ini menggunakan nama dalam Bahasa Inggeris dan banyak pula yang mencerminkan keperibadian asing, misalnya Rex, Pavilion, Odeon dan sebagainya. Penggunaan nama seperti ini dengan perkataan 'Panggung', misalnya panggung Rex, walaupun betul dari segi struktur Bahasa Malaysia tetapi namanya tidak memperlihatkan keperibadian nasional. Pendek kata, penamaan kawasan perumahan, bangunan dan tempat awam dalam Bahasa Malaysia masih menimbulkan masalah kerana peruntukkan undang-undang yang ada kini masih belum lengkap dan menyeluruh bagi mengawal perkara ini.

Perkara mengenai isyarat lalu lintas adalah disebut dalam Road Traffic Ordinance 1958 dan pindaan-pindaan kepadanya. Dalam pelaksanaannya, kebanyakan papan tanda isyarat yang terdapat di jalan raya adalah dalam bentuk tetap yang berhubung denganimbangan isyarat dan kebanyakannya sama seperti yang digunakan di peringkat antarabangsa. Di samping itu, pihak berkuasa berkenaan telah pun menggunakan isyarat lalu lintas dalam Bahasa Malaysia seperti Dilarang Masuk, Jalan Sehalu dan sebagainya. Sebenarnya tidaklah terdapat masalah berhubung dengan Penggunaan Bahasa Melayu pada isyarat lalu lintas, melainkan isyarat yang berupa sementara yang diletakkan semasa membuat jalan baharu atau memperbaiki jalan, dan sebagainya yang masih menggunakan Bahasa Inggeris. Manakala yang menggunakan Bahasa Melayu pula, kesalahan Bahasa itu amat menjolok mata, contohnya:

**Separoh Jalan di Tutup – Sepatutnya : (Sebelah Jalan Ditutup.)**

## **2.0 LAPORAN KAJIAN LEPAS MENGENAI PENDIDIKAN DAN MATLAMAT PENDIDIKAN BERDASARKAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU.**

### **2.1 Matlamat pendidikan dan kepentingan Penggunaan Bahasa Melayu.**

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi, bahasa pengantar utama yang digunakan di seluruh Malaysia. Penggunaan Bahasa Melayu diwajibkan dalam urusan kerajaan dalam memartabatkan lagi bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua pelajar pada semua peringkat persekolahan (KPM, 2001). Mata pelajaran Bahasa Melayu bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras sebagai bahasa ilmu (KPM, 2001). Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat untuk membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, serta berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air. Pendidikan Bahasa Melayu di peringkat rendah bertujuan untuk mewujudkan asas semangat kewarganegaraan yang tinggi dalam jiwa pelajar. Pembelajaran Bahasa Melayu secara formal kebanyakan berlaku di sekolah. Kepentingan terhadap penguasaan bahasa sangat jelas dalam bidang pendidikan kerana bahasa menjadi medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bahasa ialah kunci pintu khazanah ilmu manakala bacaan ialah jaminan untuk mendapatkan ilmu. Melalui bahasa, manusia dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, buah fikiran mendapatkan informasi, menambah ilmu pengetahuan dan sebagainya. Bahasa merupakan pembentuk yang di dalamnya terdapat konsep, nilai dan idea yang diwarisi oleh bangsanya. Bahasa juga menentukan pemikiran sesuatu bangsa. Oleh itu, bahasa merupakan alat yang memindahkan suatu kebudayaan daripada satu generasi kepada satu generasi akan datang (Abdullah Hassan, 2002). Sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada Bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata serta peribahasa. Aspek tatabahasa merangkumi morfologi dan sintaksis manakala aspek kosda kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah yang terdapat dalam mata pelajaran yang lain pada peringkat rendah. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah memberikan tumpuan kepada kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kemahiran bahasa ini membolehkan pelajar menggunakan Bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan seharian. Sukatan pelajaran ini memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat dan kecerdasan yang berbeza di kalangan pelajar. Pembelajaran merupakan satu proses yang mementingkan interaksi empat komponen utama iaitu pelajar, guru, bahan pembelajaran dan pendekatan. Bahan pembelajaran pada masa kini tidak terhad kepada buku teks semata-mata. Mengikut kreativiti guru tersebut dalam menggunakan alat teknologi terkini untuk dijadikan bahan pengajaran dan mampu mengembangkan pemikiran pelajar ke arah pembangunan insan cemerlang. Bahan pengajaran harus dititikberatkan oleh guru untuk menghasilkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan membuka minda pelajar untuk meminati subjek Bahasa Melayu. Pengajaran ialah satu usaha ke arah mempertingkatkan dan memperkembangkan potensi diri dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seseorang individu. Pengajaran berupaya menambah kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman pelajar supaya dapat memberi faedah dan kemajuan dalam kehidupan. Melalui pengajaran akan dapat membantu dan mendorong untuk bertindak dengan cara yang betul untuk kepentingan diri sendiri, masyarakat, agama dan negara.

Kemahiran membaca merupakan keupayaan pelajar membaca ayat dengan lancar serta sebutan, intonasi dan jeda dengan betul. Penekanan perlu diberikan kepada aspek pemahaman dan penaaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca. Melalui kemahiran membaca, pelajar dapat menggunakan bahan pembacaan untuk dijadikan bahan berbual sesama mereka. Ini akan meningkatkan lagi kemahiran bertutur dalam menyampaikan maklumat, pendapat dan idea yang kritis serta kreatif di dalam bilik darjah.

Kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diperjuangkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Bahasa Melayu tidak menjadi penghalang kepada kedatangan, perkembangan dan penyebaran ilmu, malahan bahasa Melayu maju ke hadapan sebagai penghubung kepada banyak disiplin ilmu. Dengan yang demikian, bahasa Melayu mampu mengangkat martabatnya sebagai penaung ilmu yang sarat. Demi merealisasikan hasrat ini, Nik Safi ah (1995), telah mengariskan pencapaian mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dengan menggariskan bahasa Melayu sebagai kursus wajib di institusi pendidikan tinggi untuk menyediakan graduan sebagai pewaris bahasa Melayu yang mahir dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

## **2.2 Laporan Kajian lepas mengenai kepentingan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pendidikan.**

Sebuah bahasa yang menjadi teras maruah bangsa mempunyai ciri-ciri intrinsik dan ekstrinsik yang mantap. Ciri-ciri intrinsiknya ialah mempunyai unsur-unsur fizikal, mampu melaksanakan fungsi tinggi, menjadi wahana pemikiran tinggi dan mengandungi ilmu tinggi dan kompleks ( Abdullah Hassan, 1997: 3 ). Menurut Simanjuntak (1995 ) secara ekstrinsik, Bahasa Melayu mempunyai ciri-ciri fizikal yang sempurna kerana ia sudah mempunyai sistem ejaan, sebutan, nahu, kamus, ensiklopedia dan rujukan. Sebenarnya pakar bahasa sudah lama mengatakan bahawa bahasa Melayu itu sudah lama menjadi bahasa ilmu, bahasa intelektual, bahasa sastera di peringkat nasional bahkan bahasa supranasional (Abdullah Hassan, 1997:3 ).

Bahasa ilmu di sini dilihat sebagai satu bahasa yang tinggi. Dalam konteks bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu itu merujuk kepada bahasa yang boleh menyampaikan pelbagai ilmu bukan sahaja dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu tetapi juga dalam bidang lain seperti bidang perubatan, undang-undang, ekonomi, kejuruteraan, pertanian, ilmu sains dan komputer. Mengikut pendapat Awang Sariyan, bahasa Melayu tinggi itu ada hubungannya dengan budaya tinggi. Budaya tinggi pula merupakan budaya ilmu, pemikiran dan teknologi. Beliau memperkatakan lagi bahawa bahasa Melayu tinggi ialah ragam bahasa Melayu yang digunakan untuk pembinaan dan pengembangan ilmu, pemikiran dan teknologi ( Darwis Harahap, 1989: 68 ).

Melihat dari sudut perkembangan bahasa Melayu dalam dunia pendidikan, sememangnya telah dibuktikan bahawa bahasa tersebut telah menjadi wahana mengungkapkan ilmu tinggi seperti falsafah, sains, seni dan sastera. Sebelum tahun 1955 bahasa Melayu digunakan di sekolah rendah dan di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Manakala bahasa Melayu diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pula pada tahun 1983 serentak itu juga penyempurnaan telah dilakukan dalam pengajaran bahasa Melayu. Berdasarkan premis bahawa, bahasa adalah alat pemikiran dan komunikasi manusia yang tidak ada hadnya, maka setiap bahasa mempunyai kemungkinan untuk menjadi bahasa ilmu, walau setakat mana tinggi sekalipun ilmu itu.

Sejarah membuktikan bahawa sejak zaman silam lagi bahasa Melayu sudah pun berperanan sebagai media penyebaran persuratan ilmu falsafah yang tinggi di Nusantara. Pusat-pusat kegiatan intelektual persuratan dan falsafah dalam Bahasa Melayu pada waktu itu, termasuklah Pasai, Melaka, Aceh, Patani, Palembang, Banjar, Bentan dan Riau. Bidang ilmu yang dihasilkan berpusat pada ilmu undang-undang Islam, ilmu ketuhanan, kerohanian, ilmu bintang, cekeawala, kemasyarakatan, bahasa dan sastera ( Abdul Hamid Mahmood, 2000: 176 ).

Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1956, berperanan penting dalam mengembangkan bahasa Melayu dengan membuat penterjemahan, penggubalan istilah, menganjurkan seminar bahasa dan penulisan. Selain itu, Laporan Penyata Razak (1956 ), Penyata Rahman Talib ( 1960 ) dan Kabinet ( 1985 ), telah memberikan peranan besar dalam sistem pendidikan negara. Berikutan itu, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di sekolah. Pada tahun 1970 memperlihatkan satu pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa utama apabila Universiti Kebangsaan Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan tinggi. Situasi ini, adalah prasarana untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu ( Mohd. Mansor Hj. Salleh, 2000: 11 ).

Andi Hakim Nasoetion dalam buku ( Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu, 1993: 300 ) Mengatakan penguasaan dan pengembangan ilmu pengetahuan dapat dicapai dengan menguasai selok-belok bahasa yang akan digunakan sebagai alat komunikasi. Betapa pun taraf ilmu yang hendak dikomunikasikan, bahasa pengantarnya harus mampu mengemukakan setiap pengertian tentang ilmu itu tanpa menimbulkan pelbagai tafsiran.

Dalam era globalisasi, masyarakat harus menyedari dan prihatin dengan perubahan semasa khususnya dari sudut bahasa. Ini penting supaya bahasa Melayu terus terpelihara daripada hanyut dengan ledakan teknologi maklumat yang banyak dimonopoli dalam bahasa asing (Teo Kok Seong, 2001: 14 ), berpendapat bahawa penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa teknologi maklumat dan komunikasi yang wujud kini mengambil beberapa bentuk. Salah satu daripadanya ialah penggubalan istilah bahasa Melayu untuk mengungkapkan konsep dan gagasan tertentu dalam kedua-dua teknologi ini.

Dalam proses mencapai cita-cita menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan Serantau, usaha yang pesat telah dilaksanakan dengan mendirikan Institusi Pendidikan Swasta, tetapi apa yang dapat dilihat ialah pelaksanaan amat kurang dalam memberikan tempat kepada peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Gagasan Agenda Ilmu Malaysia mula-mula dikemukakan oleh Profesor Dr. Shahrir Mohd. Zain, beliau mendefinisikan ilmu Malaysia sebagai ilmu yang berdasarkan sumber-sumber tempatan, bagi memenuhi keperluan-keperluan tempatan dan dengan mengambil kira isu-isu kritikal tempatan. Seterusnya beliau mengemukakan langkah-langkah yang diperlukan untuk membolehkan terciptanya ilmu Malaysia yang berdasarkan acuan tempatan. Beliau mencadangkan supaya Malaysia mengeluarkan kumpulan saintis besar yang dilatih dengan menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu ( Abdullah Hassan, 1993:104 ).

Ilmu pengetahuan wujud dalam apa-apa juga bahasa. Oleh sebab itu, masyarakat kita kurang berkemahiran dalam bahasa asing, keupayaannya untuk menguasai ilmu dan mencipta ilmu terhad. Dengan demikian beberapa langkah yang dapat mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu perlu diambil. Antaranya termasuklah:

1. Masyarakat kita harus berkemahiran dalam bahasa lain atau sekurang-kurangnya perlu menguasai dua bahasa.
2. Penjanaan ilmu pengetahuan bertahap tinggi dalam bahasa Melayu perlu diberi penekanan yang lebih. Sehubungan dengan ini, bidang ilmu yang perlu diceburi harus dikenal pasti.
3. Penglibatan agensi bukan kerajaan dalam kegiatan pengembangan bahasa Melayu perlu ditingkatkan.
4. Dewan Bahasa dan Pustaka dan agensi yang berkaitan perlu mempertimbangkan fungsinya untuk membantu kerajaan mencapai keekonomi dan seterusnya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa bagi segala bentuk ilmu.
5. Kecenderungan untuk mendapatkan ilmu dan mencipta ilmu perlu dipupuk dalam budaya masyarakat kita.

Tegasnya bahawa jumlah penutur tidak menjadi ukuran kuat atau lemahnya suatu bahasa. Sejarah telah membuktikan bahawa kekukuhan ekonomi sesebuah masyarakat dapat menentukan

kedudukan dan kekuatan bahasanya ( Norrizan Razali, 2001: 11 ). Apabila perancangan Bahasa Melayu dihubungkan dengan pembinaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, kita tidak harus membuat kesimpulan bahawa bahasa Melayu belum mencapai tahap bahasa ilmu. Sebenarnya bahasa Melayu yang diwarisi sekarang merupakan lanjutan bahasa Melayu yang mempunyai sejarah yang panjang dan gemilang (Awang Sariyan, 1995: 50 ).

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang dimaksudkan di sini ialah peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan atau sebagai alat menyampaikan ilmu pengetahuan moden (Abdul Hamid Mahmood 2000: 175 ). Jika dilihat dari sudut pendidikan hari ini, penggunaan bahasa Melayu memperlihatkan satu cabaran baru dalam konteks penyampaian ilmu yang lebih berkesan. Permasalahannya ialah sikap guru yang semata-mata hanya menyampaikan dalam bahasa Melayu tanpa menanamkan kesedaran dan memupuk kepentingan bahasa itu dari sudut lain.

Proses pemupukan bahasa Melayu memang sukar dilaksanakan. Mengikut (Awang Sariyan, 2001:45), budaya berbahasa Melayu sebagai tanda jati diri kian tercabar dan beransur-ansur terhakis apabila timbul kepercayaan bahawa dengan bahasa Melayu masyarakat kita akan lambat maju kerana globalisasi yang melanda dan tidak dapat disekat. Persepsi pemimpin terhadap faktor yang membangunkan ekonomi Malaysia akan mencorakkan usaha kita. Apabila persepsi pemimpin mengatakan bahawa Bahasa Inggeris membawa kemajuan, maka masyarakat harus mempelajari bahasa Inggeris. Keyakinan dan keteguhan pendirian para pemimpin yang menegakkan kedaulatan Bahasa Melayu tercabar dan teruji. Kerajaan hari ini mengambil keputusan membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di Institusi Pengajian Tinggi bagi tujuan meningkatkan ilmu dalam bidang Sains dan Teknologi. Langkah ini perlu bagi memastikan pencapaian dalam pelbagai bidang dalam proses menjayakan negara ( Mingguan Malaysia, 7 Mei 1995 ). Kenyataan itu turut memperlihatkan ketidakpercayaan terhadap kemampuan Bahasa Melayu menjadi bahasa penghantar ilmu dalam bidang Sains dan Teknologi. Dengan kata lain, kesangsian telah timbul terhadap kemampuan bahasa Melayu itu sendiri. Menurut Nik Safiah ( 1990: 29 ), dalam konsep bahasa merentas kurikulum, pengajaran bahasa Melayu tidak lagi menjadi keutamaan guru mata pelajaran Bahasa Melayu semata-mata tetapi sebaliknya adalah tanggungjawab guru-guru mata pelajaran yang lain. Dengan kata lain, guru mata pelajaran Sains, Matematik, Sejarah dan Geografi juga guru mata pelajaran lain harus tahu tentang selok-belok bahasa Melayu pada tahap yang sama seperti guru bahasa Melayu.



Hal tersebut nyata kerana, sewaktu mengajarkan ilmu masing-masing, guru harus peka terhadap penggunaan bahasa pelajar. Mereka harus bertanggungjawab bagi menentukan bahawa para pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan betul dan bahawa mereka berupaya mengungkapkan ilmu yang dipelajari itu melalui bahasa yang betul dan berkesan. Berikutan itu juga, memperlihatkan bahawa taraf sesuatu bahasa itu terletak pada penggunaannya. Peranan guru dalam menyampaikan ilmu mampu meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu kerana memberi kesan terhadap pelajaran untuk memahami sesuatu ilmu yang disampaikan.

Jika sekiranya guru gagal memainkan peranan ini menyebabkan segelintir pelajar kurang yakin dengan bahasa sendiri untuk diiktiraf sebagai bahasa ilmu. Kesannya mereka tidak tahu bagaimana bentuk atau rupa yang dikatakan sebagai bahasa ilmu. Atas kelemahan ini, maka kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan semakin dipinggirkan. Gagasan bahasa merentas kurikulum yang hanya dislogankan dan diperkatakan tetapi tidak dilaksanakan dengan wajar. Jadi, supaya gagasan itu tidak akan menjadi khayalan, maka perlulah pelaksanaan direncanakan dengan teliti khususnya dari sudut penyediaan tenaga pendidik.

Imperialisme dan kedominan bahasa Inggeris memang diketahui umum. Bahasa Inggeris diagung-agungkan melalui pelbagai nama seperti bahasa dunia dan antarabangsa, bahasa perhubungan luas dan jendela dunia ( Philipson, 1992: 282 ). Salah satu puncanya ialah dapat dikaitkan dengan penguasaan kedua-dua bahasa yang lemah sehingga tidak mampu menggunakan salah satu bahasa itu termasuk bahasa Melayu secara berkesan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Jika ini benar, masalah ini mempunyai implikasi yang lebih besar iaitu kegagalan pedagogi bahasa Melayu atau kemerosotan literasi ( Simanjuntak, 1995 : 775 ). Namun demikian, melalui bidang pendidikan, bahasa Melayu mampu merentangi segala cabaran untuk dinobatkan sebagai bahasa yang dapat diterima dan digunakan di peringkat dunia. Perkara ini tidak mustahil kerana bahasa Melayu pernah bergema dalam ucapan Tan Sri Razali Ismail, wakil tetap Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ( PBB ). Peristiwa ini tidak mungkin dilupakan malah akan dijadikan detik kebangkitan Bahasa Melayu di persada dunia memberi makna yang besar kepada masyarakat kerana bahasa Melayu memang berupaya bersaing di aras tinggi dan mampu digunakan dalam perjuangan sedunia ( Abdul Shukur Abdullah, 1999: 483 ). Dalam menuju pemodenan ilmu dalam pelbagai bidang, bahasa menjadi sasaran utama kerana bahasa merupakan alat penting untuk menyampaikan sesuatu atau umumnya sebagai alat komunikasi utama dalam sesebuah masyarakat.

Berikutan hal tersebut, bahasa Melayu juga mengalami nasib yang sama dalam menyaingi bahasa-bahasa yang ada di dunia. Dari sudut pendidikan, bahasa Melayu menghadapi cabaran khususnya dari segi pengguna bahasanya. Antaranya ialah orang Melayu sendiri tidak menyakini kemampuan Bahasa Melayu untuk menyampaikan ilmu dalam bidang Sains dan Teknologi, mengizinkan penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa Pengantar dan persepsi bahawa Bahasa Melayu itu hanya melambatkan proses pembangunan negara ( Laporan Mengenai Tindakan Menteri Pendidikan, Sunday Times, 9 Julai 1995 ).

Selain itu, timbul juga kebimbangan di kalangan pencinta bahasa Melayu terhadap ketidakmantapan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa intelektual. Penguasaan dalam bidang persuratan dan lisan oleh beberapa golongan tertentu yang sepatutnya lebih baik, dikatakan semakin menurun dan belum membanggakan. Peranan dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai salah satu teras perjuangan nasionalisme dan simbol keperibadian kebangsaan tidak memperlihatkan kedudukan rasminya yang sebenar dalam kehidupan sosial dan politik dalam usaha memodenkan dan memantapkannya sebagai alat pengucapan ilmu-ilmu moden ( A. Aziz Deraman, 2002: 31).

Menurut Nik Safiah Karim ( 1990:29 ), dalam konsep bahasa merentas kurikulum, pengajaran bahasa Melayu tidak lagi menjadi keutamaan guru mata pelajaran Bahasa Melayu semata-mata tetapi sebaliknya adalah tanggungjawab guru-guru mata pelajaran yang lain. Dengan kata lain, guru mata pelajaran sains, matematik, sejarah, geografi dan mata pelajaran lain harus tahu tentang selok-belok bahasa Melayu pada tahap yang sama seperti guru bahasa Melayu. Sewaktu mengajarkan ilmu masing-masing mereka harus juga peka terhadap penggunaan bahasa pelajar mereka bagi menentukan bahawa para pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan betul dan mengungkapkan ilmu yang dipelajari itu melalui bahasa yang betul dan berkesan. Hal ini memperlihatkan bahawa, taraf sesuatu bahasa itu terletak kepada penggunaannya. Peranan guru dalam menyampaikan ilmu mampu meletakkan bahasa tersebut sebagai bahasa ilmu kerana memberi kesan terhadap pelajar untuk memahami sesuatu ilmu yang disampaikan.

### **3.0 PENDAPAT TENTANG PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DALAM PENCAPAIAN MATLAMAT PENDIDIKAN DI MALAYSIA.**

#### **3.1 Peranan dan fungsi Bahasa Melayu dari perspektif pendidikan.**

Perkembangan Bahasa Melayu agak pesat dan peranan serta fungsinya amat luas sama ada dilihat dari perspektif pendidikan mahupun dalam urusan rasmi dan tidak rasmi di Malaysia. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa penghantar di sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan. Kini Bahasa Melayu merupakan salah satu daripada mata pelajaran wajib yang diajar dan dipelajari di sekolah rendah, menengah, tinggi dan maktab perguruan; misalnya kursus Pengajian Melayu yang ditawarkan di Universiti Malaya pada peringkat lepasan ijazah mengiktiraf akan kepentingan Bahasa Melayu.

Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberi tanggungjawab melaksanakan Bahasa Melayu dalam pendidikan khususnya yang berhubung dengan penerbitan dan perkembangan bahasa dan sastra. Selain itu, penubuhan Institusi Bahasa yang bertujuan untuk melatih dan menghasilkan guru-guru yang berwibawa dalam pengajaran Bahasa Melayu dan menjalankan penyelidikan dalam pelbagai aspek tentang bahasa khususnya Bahasa Melayu. Bahasa Melayu dianggap penting dan kelulusan wajib diperlukan dalam peperiksaan awam bagi memenuhi syarat persijilan. Secara beransur-ansur Bahasa Melayu telah diterima sebagai salah satu syarat bagi kelulusan peperiksaan awam.

Malah universiti-universiti tempatan telah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar pengajian. Jelaslah bahawa Bahasa Melayu yang dianggap sebagai bahasa kampung oleh penjajah barat dan hanya untuk dipertuturkan oleh kelas bawahan dalam tahap sosial Malaysia seperti golongan petani, buruh dan nelayan tidak benar sama sekali memandangkan kini Bahasa Melayu semakin menunjukkan kemampuannya untuk kental bersaing sehingga berjaya melahirkan para cerdik pandai atau ilmuwan yang menggunakan media Bahasa Melayu sebagai perantara.

### **3.2 Bahasa Melayu dalam pendidikan teknologi dan maklumat.**

Teknologi Maklumat dan Komunikasi ( ICT ) yang merupakan tempas atau kesan langsung daripada perkembangan dan kemajuan yang pesat dalam bidang mikroelektronik sehingga menghasilkan pelbagai kemudahan teknologi maklumat seperti komputer peribadi, telekomunikasi multimedia dan sebagainya. Seterusnya kemunculan internet telah meluaskan penggunaan ICT dengan jaringan informasi bersepadu sehingga membolehkan diaplikasikan sebagai media komunikasi yang melibatkan teks, bunyi, grafik dan video. Fenomena ini secara langsung mempengaruhi dan mencabar kewibawaan dan kedudukan Bahasa Melayu di rantau Nusantara ini.

Institusi pendidikan adalah medium penting untuk mengukuhkan lagi nilai dan keperluan Bahasa Melayu di kalangan generasi muda bangsa Melayu melalui sistem pendidikan yang mengambil kira penyerapan dan penyebatian kemajuan dan perkembangan ICT. Misalnya, generasi muda akan mempunyai peluang untuk menghalusi Bahasa Melayu ke dalam jiwa mereka melalui kegiatan dan aktiviti bercorak Bahasa Melayu dengan menggunakan teknologi maya yang diasaskan oleh kemudahan internet. Adalah disedari umum akan dominasi Bahasa Inggeris dalam internet yang menjadi pencetus teknologi dan ilmu pengetahuan pelbagai bidang yang diinginkan oleh masyarakat dunia. Dalam hal ini, masyarakat mestilah tegas dalam menentukan kedudukan Bahasa Melayu dan peranan bahasa yang dipelajari dalam sistem pendidikan mereka. Jika bahasa asing yang dipelajari memerlukan makmal dan program khusus dalam menguasainya maka tidak perlu diketepikan juga kepentingan penyediaan prasarana dan program yang sedemikian rupa kepada Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan.

Penggunaan Bahasa Melayu dalam kegiatan teknologi maklumat masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Perkara ini dapat dilihat dalam kegiatan bercorak pendidikan seperti persidangan teknologi maklumat di mana tahap penggunaan Bahasa Melayu amat sedikit dan kurang mendapat sambutan daripada orang ramai. Ini disebabkan oleh sebilangan anggota masyarakat berasa lebih selesa dan lebih maju jika menggunakan medium Bahasa Inggeris. Sementara itu, penggunaan Bahasa Melayu dalam kegiatan teknologi maklumat dianggap tidak bertaraf antarabangsa kerana penggunaan Bahasa Inggeris dianggap mempunyai nilai ekonomi dan sosial yang lebih tinggi berbanding dengan Bahasa Melayu.

Suatu kajian telah dilaksanakan untuk menganalisis terhadap jenis bahasa yang kerap digunakan dalam web organisasi di Malaysia. Kategori yang telah dianalisis dalam kajian ini ialah Organisasi Perniagaan, Organisasi Kerajaan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun. Bagi Organisasi Kerajaan misalnya, daripada 214 laman web yang dilawati kira-kira 35% laman web menggunakan Bahasa Melayu manakala 29% lagi menggunakan Bahasa Inggeris. Kesimpulan daripada kajian ini mendapati, tahap penggunaan Bahasa Melayu dalam laman web adalah memuaskan. Tetapi perisian pendidikan dalam versi Bahasa Melayu masih lagi ketinggalan. (Aziz Deraman, 2001).

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa teknologi maklumat dan komunikasi yang wujud kini mengambil beberapa bentuk. Salah satu daripadanya ialah penggubalan istilah Bahasa Melayu untuk mengungkap konsep dan gagasan tertentu dalam kedua-dua teknologi ini.

Antaranya ialah :-

- e-mel (electronic mail)
- e-pendidikan (electronic education)
- k-masyarakat (knowledge society)
- e-dagang (electronic commerce)
- k-ekonomi (knowledge economy)
- k-pekerja (knowledge worker)

Ungkapan atau istilah yang berbentuk “e-pendidikan”, “k-pekerja”, dan sebagainya yang mengambil acuan “e.....” dan “k.....” sebenarnya telah melanggar hukum D-M.(Diterangkan-Menerangkan) Dengan terciptanya ungkapan/istilah sebegini, kita sebenarnya membenarkan sesuatu yang menyalahi dan tidak dibenarkan dalam Bahasa Melayu. Misalnya e-mel yang membawa erti elektronik mel dan k-pekerja yang membawa erti knowledge pekerja. Ungkapan/istilah yang bermula dengan “k-“ itu tidak sahaja melanggar hukum D-M, tetapi juga membenarkan kemasukan sejenis gabungan baru yang mengekalkan unsur Bahasa Inggeris dalam bentuk asalnya ke dalam sistem Bahasa Melayu. Hal ini merupakan satu perkembangan baru dalam morfologi Bahasa Melayu khasnya, dan dalam Bahasa Melayu amnya. Walau

bagaimanapun Bahasa Melayu harus turut dilibatkan dalam skop yang lebih luas daripada yang wujud kini.

Beberapa usaha telah diutarakan untuk memajukan penggunaan Bahasa Melayu dalam teknologi maklumat. Antaranya ialah memberi pengiktirafan dalam bentuk skim ganjaran atau anugerah kepada sesiapa yang berjuang dalam memartabatkan Bahasa Melayu. Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka haruslah mencari istilah dan bahasa dalam teknologi maklumat bagi semua golongan pengguna Bahasa Melayu secara percuma dan ini boleh diperhebatkan melalui gerbang web bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka yang sedia ada. Di samping itu, Dewan Bahasa dan Pustaka harus menyediakan prasarana yang lebih dinamik dalam usaha untuk mengembangkan istilah dan bahasa dalam gerbang web yang sedia ada. Sikap permuafakatan dan kerjasama perlu terjalin dalam usaha memantapkan lagi teknologi maklumat berbahasa Melayu dan harus pertingkatkan pada peringkat negara serantau. Sementelahan, pihak National IT Council (NITC), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), dan IPTA boleh melonggokkan perisian aplikasi generic berbahasa Melayu yang murah dan mudah diperolehi di pasaran negara.

Di peringkat dunia, penutur Bahasa Melayu adalah seramai lebih 250 juta orang. Ini meletakkan kedudukan status Bahasa Melayu di tempat keempat teramai penuturnya selepas bahasa Mandarin, Sepanyol dan Inggeris. Jadi tidaklah mustahil jika Bahasa Melayu menjadi bahasa komunikasi dan dipelajari di seluruh dunia melalui teknologi maya jika masyarakat kepada bahasanya mengambil kesempatan dari pembentukan dunia sejagat tanpa sempadan dan sekatan yang menjadi fenomena sekarang ini.

### **3.3 Bahasa Melayu dalam era globalisasi.**

Dalam konteks pergolakan bahasa yang sedang berlaku pada masa kini, ramai yang tertanya-tanya akan kedudukan Bahasa Melayu pada masa akan datang. Hakikatnya, persoalan pokok ialah tentang peranan Bahasa Melayu pada abad ke-21 kerana abad ke-21 ialah abad Globalisasi, abad kemajuan sains dan teknologi dan abad kejayaan teknologi maklumat. Bahasa Melayu yang telah berperanan sebagai bahasa lingua-franca sejak dahulu lagi. Ini membuktikan bahawa Bahasa Melayu sudah mampu memainkan peranannya sebelum zaman moden dan maju lagi.

Maka adalah mustahil jika kemajuan, kesanggupan dan kewibawaan Bahasa Melayu diragui dalam era Globalisasi. (A. Kadir Ahmad, 1995).

Peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan moden akan tetap kekal walaupun tidak dinafikan bahawa, Bahasa Inggeris turut berfungsi sebagai bahasa untuk menimba ilmu di negara ini. Keadaan ini tidak bercanggah kerana sudah menjadi dasar pendidikan negara untuk menghasilkan pelajar yang bersifat dwibahasa. Seseorang pegawai pertanian, misalnya, yang ingin menyampaikan taklimat tentang sistem perairan terkini yang baru dipelajarinya melalui kursus yang dianjurkan oleh pendengarnya yang merupakan petani biasa akan lebih selesa berbahasa Melayu.

Jelaslah bahawa bahasa Melayu tetap mempunyai peranan sebagai bahasa ilmu dalam dunia abad ke-21. Namun, kejayaan Bahasa Melayu dalam tugas ini amat bergantung kepada kesediaan pengamal Bahasa Melayu untuk menggunakan bahasa tersebut sebagai bahasa ilmu. Jika rasa megah terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tidak lagi wujud dan jika semua pihak lebih selesa menggunakan Bahasa Inggeris, maka lama-kelamaan fungsi Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan merosot. Tetapi, orang Melayu optimistik sifatnya, berdasarkan kejayaan Bahasa Melayu dalam 30 tahun yang lalu, potensi yang ada bagi bahasa Melayu untuk kekal sebagai bahasa ilmu adalah amat cerah.

Satu lagi peranan yang dapat dimainkan oleh Bahasa Melayu pada abad ke-21 ialah sebagai pemangkin kepada proses pembinaan tamadun masyarakat Malaysia. Tanpa menafikan peranan Bahasa Inggeris, pembinaan bentuk masyarakat Malaysia abad ke-21 yang unggul dapat dicorakkan oleh Bahasa Melayu, iaitu berdasarkan pendapat yang mengatakan bahawa kita hendaklah maju dan berkembang mengikut acuan sendiri.

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga tidak harus diketepikan dalam perancangan Bahasa Melayu di Malaysia menjelang abad ke-21. Antara fungsi utamanya ialah menyertai usaha “Pembangunan Bahasa Melayu tinggi” di mana usaha ini akan dilakukan bersama dengan “Pembudayaan Ilmu Tinggi”. Selain itu, DBP juga perlu merancang penerbitan karya-karya bermutu dan berilmu pengetahuan yang tinggi seperti buku-buku sains dan kemasyarakatan. Ini akan meningkatkan pemikiran yang tinggi di kalangan masyarakat. Usaha penterjemahan buku daripada bahasa asing ke dalam Bahasa Melayu perlu dilaksanakan supaya dapat membantu meningkatkan lagi pemahaman masyarakat Malaysia yang tidak fasih membaca

dalam bahasa-bahasa lain. Usaha ini harus dilakukan dengan cepat, mudah, murah dan banyak supaya dapat dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat.

Pada masa kini, DBP sedang berusaha untuk menghasilkan sistem penterjemahan berkomputer yang dapat mempercepat lagi proses penerbitan buku-buku terjemahan. (Ismail bin Dahaman, 1991). Terdapat beberapa fasa yang diusahakan oleh DBP dalam proses pembangunan Bahasa Melayu. Fasa pertama iaitu penerimaan bahasa oleh masyarakat Malaysia telah mencapai matlamatnya. Manakala, fasa yang kedua iaitu “pembinaan bahasa” yang juga dikenali sebagai fasa “pengintelektualan” bahasa merupakan fasa yang perlu ditingkatkan menjelang abad ke-21. Fasa yang ketiga ialah “penyempurnaan” bahasa dari segi kemantapan, keharmonian dan keefisienan, yang mana fasa ini harus dijadikan misi pendidikan Bahasa Melayu menjelang abad ke-21. Akhirnya, fasa keempat merupakan “pembudayaan” bahasa di mana fasa ini belum dilaksanakan lagi. Dalam pembudayaan penggunaan Bahasa Melayu, ia menitikberatkan penggunaan tatabahasa yang betul, penggunaan yang persis dan isi yang tepat. (Awang Had Salleh, 1991)

### **3.4 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)**

Dewan Bahasa Dan Pustaka atau singkatannya (DBP) Dewan Bahasa dan Pustaka, adalah sebuah badan berkanun yang diberi autonomi untuk menggubal dasarnya yang khusus iaitu menyusun program pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera, dan menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetatif menurut prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan yang sentiasa dinamik. Institusi ini telah ditubuhkan pada Jun 1956 dan rancangan penubuhan institusi ini dirangka oleh Kerajaan Perikatan sebelum mencapai kemerdekaan sebagai salah satu alternatif untuk menjamin supaya Bahasa Melayu mencapai taraf perkembangan yang sesuai dengan kemajuan politik, Ilmu pengetahuan dan kemasyarakatan untuk menggantikan Bahasa Inggeris dalam masa sepuluh tahun selepas kemerdekaan. Selain daripada itu, Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai aktanya sendiri iaitu Akta DBP 1959 (semakan tahun 1978, pindaan dan perluasan 1995) yang selaras dengan tujuan penubuhan. Antara peruntukkan akta DBP yang mengikat dan memberikan kuasa adalah dalam hal-hal seperti membina dan memperkaya Bahasa Kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi, mengembangkan bakat sastera, khususnya dalam Bahasa Kebangsaan dan



juga membakukan ejaan dan sebutan serta membentuk istilah yang sesuai dalam Bahasa Kebangsaan.

Selain daripada itu, peruntukkan akta DBP turut menerangkan tentang penggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul dan juga menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuasa. Pembinaan negara bangsa di Malaysia telah dijadikan falsafah dalam asas perjuangan DBP. Dalam usaha menuju ke arah ini, DBP telah merangka beberapa strategi dalaman dan luaran, antaranya adalah mengembangkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi supaya digunakan dalam semua urusan rasmi, nama jabatan, jawatan dan ciptaan semua dokumen rasmi dan undang-undang komunikasi sama ada lisan dan tulisan serta komunikasi jabatan kerajaan dengan pihak swasta. Selain daripada itu, DBP telah merangka supaya Bahasa Melayu digunakan dalam semua urusan perniagaan, nama syarikat, nama pertubuhan, nama produk, nama perkhidmatan dan nama bandar, nama jalan, nama taman perumahan dan sebagainya.

Dalam konteks luaran pula, ia membawa maksud perancangan strategi penyebaran dan peluasan Bahasa Melayu di luar negara. DBP ingin mengembangkan Bahasa Melayu dan menyebarkanluaskannya di pentas antarabangsa dengan menubuhkan pusat-pusat pembelajaran Bahasa Melayu di luar negara. Ini dapat dilihat dan dibuktikan apabila DBP telah berusaha untuk menubuhkan Jabatan Bahasa Melayu di luar negara terutamanya di Asia antaranya ialah Tokyo University of Foreign Studies di Jepun dan juga Hankuk University di Korea. Selain daripada itu, DBP juga telah berusaha untuk menubuhkan Jabatan Bahasa Melayu di luar benua Asia seperti di School of Oriental and African Studies, London, di University of Moscow dan beberapa buah lagi pusat pengajian tinggi di luar negara seperti di Australia dan negara-negara lain.

Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah berusaha untuk menimbulkan semangat ingin belajar dan menggunakan Bahasa Kebangsaan di kalangan orang ramai sehingga pengenalan Minggu Bahasa Kebangsaan. Program ini buat pertama kalinya telah dilancarkan pada tahun 1960 dan seterusnya menjadi program tahunan sehingga kemunculan Bulan Bahasa Kebangsaan. Sebagai pusat penyelenggaraan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan, DBP telah terkenal di seluruh pelusuk tanahair dan di luar negara. Melalui daya usaha DBP dengan kerjasama Maktab Penguruan Bahasa maka telah ditubuhkan Jawatankuasa Kursus Bahasa Kebangsaan untuk pegawai-pegawai kerajaan. Dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh DBP maka adalah tidak

mustahil jika pada suatu hari nanti Bahasa Melayu akan menjadi sebuah bahasa yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa seperti Bahasa Inggeris.

Cuba kita bayangkan pada suatu masa nanti, masyarakat antarabangsa menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan digunakan dengan meluas seperti penggunaan Bahasa Inggeris pada hari ini. Impian ini mungkin akan tercapai sekiranya bukan sahaja DBP tetapi seluruh rakyat Malaysia memainkan peranan masing-masing dalam mengembangkan Bahasa Melayu.

## **4.0 PENUTUP**

### **4.1 Kesimpulan**

Bahasa Melayu sedang diasak oleh arus globalisasi dan liberisasi. Jika bahasa kebangsaan semakin lemah, maka lemahlah bangsa. Semua pihak perlu sentiasa berusaha meningkatkan daya saing, ketahanan dan kekreatifan, dan kecemerlangan bahasa Melayu sebagai bahasa yang unggul. Penutur yang beranggapan bahasa Melayu hanya untuk orang Melayu mencerminkan kedaifan fakta sejarah dan asal usul bahasa dan bangsa di negara ini. Perubahan dunia semakin pantas dan kemajuan dunia semakin cepat. Persekitaran lokal tiba-tiba bertukar kepada global dan akhirnya menuju global. Bumi yang dulunya terpecah kepada begitu banyak kampung yang tidak berhubung, kini menjadi sebuah kampung tanpa sempadan. Bahasa Melayu turut menerima cabaran apabila golongan remaja hari ini lebih berminat menggunakan istilah dan gaya bahasa sendiri yang dikatakan lebih pantas dan ringkas.

Pembangunan negara yang hakiki dan bersepadu hanya tercapai apabila semua bidang yang penting diberi perhatian yang sama beratnya termasuk bidang bahasa dan budaya. Dalam konteks pembentukan jati diri dan citra negara ini pula dasar-dasar yang bersifat endoglosia iaitu berasaskan keperibumian yang disokong oleh hakikat sejarah, kebudayaan dan tamadun di negara dan rantau ini perlu dipertahankan dan ditingkatkan. Tidak seharusnya berlaku keadaan negara menuju kejayaan ekonomi dan industri sementara mengalami kehancuran dari segi unsur dalaman bangsa, terutama bahasa dan budaya. Oleh itu kerjasama antara semua kementerian, jabatan, agensi, pertubuhan, sektor swasta dan orang perseorangan perlu digemblengkan secara bersepadu oleh pemerintah dalam bentuk rangkaian yang berkesan untuk memastikan pencapaian yang seimbang. Sesungguhnya tiada bangsa di dunia dapat mencapai kejayaan dan tamadun

tinggi melalui bahasa asing dan bahasa penjajah melainkan menggunakan bahasa ibunda seperti bahasa Melayu.

Pada abad ke-21 ini, Bahasa Melayu telah meniti cabaran yang getir untuk mencapai hasrat dan wawasan negara dalam usaha meletakkan Malaysia setanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini. Bagi mencapai hasrat ini, pelbagai usaha telah diusahakan oleh pihak kerajaan. Salah satu daripadanya adalah kerajaan telah berjanji akan memberi keutamaan kepada Bahasa Melayu dalam penyediaan perisian Koridor Raya Multimedia (MSC). Perkara ini bukan sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan dengan wujudnya sekolah bestari di negara ini telah membuktikan bahawa Bahasa Melayu mampu bersaing dengan bahasa lain.

Peranan Bahasa Melayu sebagai pembina intelek masyarakat kian tercabar dan dicabar. Di abad ini kita seharusnya dapat memajukan dan memartabatkan Bahasa Melayu bukan sahaja di bumi Malaysia tetapi juga di persada antarabangsa. Buktinya, kita telah berjaya melahirkan para cerdik pandai dan ilmuwan yang menggunakan media Bahasa Melayu.

Dalam konteks Malaysia, persaingan dengan Bahasa Inggeris seharusnya menjadi asas yang kukuh untuk meningkatkan penggunaan dan pelaksanaan Bahasa Melayu dalam seluruh sistem pendidikan negara. Kita tidak seharusnya mewujudkan satu tembok penghalang antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris mempunyai sumbangannya tersendiri dalam mempertingkatkan Bahasa Melayu. Bahasa Inggeris mempunyai khazanah ilmunya tersendiri dan boleh dimanfaatkan untuk kepentingan negara terutamanya di dalam pendidikan dan ekonomi.

Sesungguhnya kita semua sebagai rakyat Malaysia yang hidup di dalam sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum seharusnya memainkan peranan masing-masing bagi memartabatkan dan meningkatkan Bahasa Melayu. Kita tidak mahu Bahasa Melayu ditindas oleh bahasa-bahasa yang lain kerana bahasa melambangkan sesebuah bangsa. Seperti kata Hang Tuah, “Takkan Melayu hilang di dunia” dan itulah sebenarnya kita semua inginkan.

## **BIBLIOGRAFI**

### **Rujukan daripada buku:**

Abdullah Hasssan dan Ainon Mohd, (1994). *Tatabahasa Dinamika*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1994). *Panduan Ejaan Rumi*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ab. Rahman Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt (1998) *Bahasa Melayu Komunikasi 3*, Kuala Lumpur; Longman.

Arbak Othman, (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur : Sarjana Enterprise.

Arba'ie Sujud et. al, (1997). *Pengajian Melayu 1: Ilmu Bahasa dan Kecekapan Berbahasa*, Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Asmah Haji Omar,(1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Hj Musa, (1990). *Sintaksis Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Agensi Penerbitan.

Ismail Dahaman, (2000). *Pedoman Ejaan dan Sebutan Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarudin Hj Husin, (1995). *Laras Bahasa*, Kuala Lumpur : Utusan Publications Distributors Sdn.Bhd.

Kamus Dewan (edisi ketiga) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim et.al, (1993). *Tatabahasa Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramli Hj Salleh, (1995). *Sintaksis Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Puteri Roslina Abdul Wahid. (2011). *HBML4103: Sejarah perkembangan bahasa Melayu*. Seri Kembangan : Meteor Doc. Sdn Bhd.

Sulaiman Masri, (1995). *Penulisan dalam Bahasa Melayu Baku*, edisi kedua, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Rujukan daripada internet:**

<http://www.sabah.net.my/nurfirdaus/universiti/bbm3401.htm> telah diakses pada 18 Jun 2014

[https://www.academia.edu/4487041/SEJARAH\\_PERKEMBANGAN\\_BAHASA\\_MELAYU](https://www.academia.edu/4487041/SEJARAH_PERKEMBANGAN_BAHASA_MELAYU) telah diakses pada 19 Jun 2014

<http://bahasamelayudnisenu.blogspot.com/2010/07/bahasa-melayu-selepas-merdeka.html> telah diakses pada 20 Jun 2014